

# Maal Hijrah kompas rungkai pelbagai polemik, fitnah digital

Berita Harian · 14 Jun 2026 · Pensyarah Kanan, Jabatan Ilmu Wahyu, Pusat Asasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)  
Oleh Kazzman Kamaruzzaman

Saban tahun, sambutan Maal Hijrah sering dikaitkan dengan peristiwa perpindahan fizikal Rasulullah SAW. Namun, tatkala dunia hari ini sedang bergelut dengan ketidaktentuan ekonomi pasca-pandemik, ancaman fitnah di hujung jari dijana kecerdasan buatan (AI) dan krisis kemanusiaan menarik derita di Asia Barat, makna hijrah menuntut satu anjakan paradigma.



Bagi rakyat Malaysia, penghijrahan masa kini bukan lagi soal menukar lokasi, tetapi 'hijrah kolektif' dalam menterjemahkan gagasan Malaysia MADANI demi kelangsungan sebuah negara sejahtera.

Dalam mendepani badai ketidaktentuan ekonomi global masa kini, konsep hijrah menuntut kita melakukan anjakan struktur secara menyeluruh, selari dengan teras 'Kemampanan' dan 'Kesejahteraan'.

Kenaikan kos sara hidup, tekanan inflasi dan gangguan rantai bekalan dunia bukan sekadar teori di atas kertas, sebaliknya realiti pahit menghimpit rakyat.

Bersandarkan firman Allah SWT dalam Surah Ar-ra'd ayat 11 menuntut manusia memulakan perubahan diri.

“Bagi tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti di hadapan dan belakangnya, mengawas dan menjaganya (daripada sesuatu bahaya) dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila

Hijrah ekonomi masa kini bermaksud keberanian meninggalkan amalan lapuk daripada ketirisan dana awam dan rasuah membarah, hingga kepada mentaliti kebergantungan total terhadap import.

Kita perlu berhijrah menuju ekosistem ekonomi berdaya cipta dan mengamalkan tatakelola urus tadbir telus. Ia menggambarkan jihad ekonomi.

Mengambil iktibar daripada kaum Muhajirin dan Ansar yang bersinergi membina pasaran luhur di Kota Madinah, kita mampu membina ekonomi kalis cabaran global dan memakmurkan setiap lapisan masyarakat.

Pentas penghijrahan masa kini turut mendesak perlunya 'hijrah minda digital'. Kemaraan AI membawa rahmat inovasi, namun ia turut melahirkan kemelut 'fitnah siber pintar' seperti 'deepfake' menular tanpa sempadan.

Bagi negara majmuk seperti Malaysia, penyebaran berita palsu dan provokasi sentimen adalah senjata tajam yang berisiko merobek fabrik sosial.

Al-Quran secara jelas mengagung ingatkan dalam Surah al-hujurat, ayat 6 supaya menyelidiki kebenaran sesuatu berita yang dibawa oleh orang fasik agar tidak menimpakan musibah kepada sesuatu kaum atas dasar kejahilan.

Di peringkat global, roh hijrah perlu dipancarkan menerusi lensa 'hijrah kemanusiaan'.

Peristiwa agung Rasulullah SAW berhijrah pada asasnya adalah paksi perjuangan membebaskan diri daripada cengkaman penindasan demi ruang keadilan”

Justeru, roh hijrah perlu diterjemahkan melalui pembudayaan amalan tabayyun. Kita wajib berhijrah daripada mentaliti pengguna media sosial reaktif, kepada warganegara digital beretika tinggi.

Kebebasan bersuara tidak seharusnya menggadaikan perpaduan. Ambillah ibrah daripada tragedi 13 Mei 1969, parut sejarah itu cukup mengingatkan kita betapa rapuhnya keharmonian jika syak wasangka dibiarkan membarah. Sematkan Rukun Negara di sanubari demi mempertahankan kerukunan negara bangsa.

Di peringkat global, roh hijrah perlu dipancarkan menerusi lensa 'hijrah kemanusiaan'.

Peristiwa Rasulullah SAW berhijrah pada asasnya adalah paksi perjuangan membebaskan diri daripada cengkaman penindasan demi ruang keadilan.

Kaum Quraisy berlaku zalim dengan menutup segala ruang penyebaran dakwah malah lebih kejam lagi, mereka turut menyeksa golongan Mustadh'afin iaitu kelompok lemah, tertindas dan tidak berupaya mempertahankan diri akibat kerosakan sistem sosial dan ekonomi.

Menelusuri krisis kemanusiaan masih membarah di Asia Barat penderitaan saudara kita di Palestin, realiti ini menuntut manifestasi teras 'ihسان' dalam gagasan MADANI.

Dalil daripada Surah an-nisa' ayat 75 secara terang menyoal apakah menghalang kita daripada berjuang membela golongan lelaki, wanita, dan kanak-kanak tertindas.

“Dan apakah menghalang kamu (sehingga) tidak mahu berperang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam) dan (menyelamatkan) orang tertindas daripada golongan lelaki, perempuan dan kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan kami, keluarkan kami dari negeri (Makkah) ini, yang penduduknya (kaum kafir musyrik) zalim, dan jadikan bagi kami daripada pihak-mu seorang pemimpin mengawal (keselamatan agama kami), dan jadikan bagi kami daripada pihak-mu seorang pemimpin membela kami (daripada ancaman musuh)”.

Keamanan kita kecapi di Malaysia datang dengan tanggungjawab moral. Hijrah pada era ini menagih nilai peduli kita untuk keluar daripada zon selesa, ke arah pembinaan solidariti antarabangsa utuh.

Melalui kelantangan suara di pentas diplomatik dan bantuan berterusan, Malaysia menterjemahkan semangat hijrah dengan tidak mengiktiraf sebarang bentuk penjajahan moden dan terus berdiri teguh di pihak yang benar.

Maal Hijrah bukan sekadar pusingan tarikh di kalendar Islam diraikan dengan laungan selawat bermusim, sebaliknya kompas pandu arah. Sama ada dalam merungkai polemik ekonomi, menangkis badai fitnah digital, mahupun berikrar solidariti kemanusiaan, roh hijrah mendidik kita setiap fasa perubahan menuntut pengorbanan jitu.

Berbekalkan semangat Piagam Madinah, pendekatan ini amat selari dengan hasrat Malaysia MADANI. Hijrah kolektif adalah tanggungjawab bersama kerana hanya dengan kesatuan hati, keberanian untuk berubah dan keikhlasan jiwa, Malaysia mampu berdiri gagah sebagai negara majmuk benar-benar makmur, berdaulat dan diredai.